

**Najib Gesa Lebih Banyak Syarikat Laksana Tanggungjawab Sosial Korporat
Bernama
23 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak menggesa lebih banyak syarikat melaksanakan tanggungjawab sosial korporat masing-masing demi membantu mereka yang memerlukan masa depan negara yang lebih baik.

"Ia merupakan tatalaku korporat yang akan membantu Malaysia mencapai matlamat ekonominya tanpa mengorbankan pembangunan insan," kata Perdana Menteri pada Majlis Gala Ulangtahun ke-25 Parkson di sini Isnin malam.

Isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor dan Pengerusi Eksekutif Lion Group yang juga pengerusi Parkson Holdings Berhad Tan Sri William Cheng turut hadir.

Najib berkata menerusi program promosi dan pemasaran, yayasan dan kempen amal, Parkson, di bawah teraju Lion Group, sedang berusaha memperkasa masyarakat.

"Fokusnya ialah pendidikan dan rawatan perubatan: dua alat paling teguh bagi membantu mereka yang memerlukan," kata Najib.

"Saya diberitahu bahawa setiap tahun, Lion Group Foundation membiayai penyelidikan saintifik, dan menganugerah biasiswa dan pinjaman kepada mahasiswa, setiap tahun, Parkson meminta orang awam menderma peralatan sekolah, kemudian mengagihkannya kepada kanak-kanak sekolah yang memerlukan," kata beliau.

Najib berkata Lion Group Medical Assistance Fund membantu mereka yang kurang bernasib baik mendapatkan rawatan perubatan, membantu membiayai pembedahan dan perubatan serta membeli kelengkapan hospital.

Beliau berkata ini bukan untuk menonjol publisiti yang bertujuan mengukuhkan laporan tahunan, tetapi mencerminkan komitmen lebih mendalam demi menambah baik kehidupan mereka yang kurang bernasib baik.

"Parkson mengiktiraf bahawa bisnes yang benar-benar mampan ialah bisnes yang menegakkan masyarakat. Kita memerlukan lebih banyak syarikat yang berfikir begini," kata beliau.

Pada majlis itu, Najib menyaksikan penyampaian cek olok-olok bernilai RM750,000 daripada Parkson kepada World Vision, sebuah organisasi kemanusiaan sedunia bagi membantu mereka yang kurang bernasib baik, di samping menambah baik kualiti persekitaran hidup mereka.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=704038>